

27/08/1997

Konvensyen Pemuda BN capai kejayaan cemerlang

Misiah Taib

KONVENSYEN Pemuda Barisan Nasional (BN) yang berlangsung di Damai Lagoon, kira-kira 40 kilometer dari pusat bandar raya Kuching 23 hingga 25 Ogos lalu, bukan saja mencapai kejayaan cukup cemerlang, malah berjaya menghayati sepenuhnya erti kata permuafakatan, yang menjadi nadi utama kejayaan BN selama ini.

Konvensyen tiga hari itu berjaya menjalinhubungkan semua 14 parti komponen BN, terutama di kalangan pemimpin barisan pelapis, yang juga generasi ketiga yang bakal mewarisi kepemimpinan negara.

Malah ia berjaya menghayati erti permuafakatan dalam BN dengan langsung tidak menyentuh isu induk yang tercatat dalam perlembagaan, kerana ia adalah persetujuan awal sewaktu pembentukan Malaysia yang tercatat dalam perlembagaan dan pembentukan BN yang telah dipersetujui bersama.

Isu yang menjadi fokus perbincangan di konvensyen itu ialah mengenai persiapan dan penyediaan masa depan kepemimpinan pelapis, sehingga semua perbincangan dalam empat bengkel di konvensyen berkenaan menjurus ke arah itu.

Persoalan yang menjadi tumpuan di konvensyen keenam itu ialah, apakah peranan pemuda untuk menyokong dan mendokong kepemimpinan yang ada sekarang?.

Menurut Ketua Pergerakan Pemuda BN, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, semua parti komponen menginsafi bahawa persoalan sensitif terutama mengenai agama, budaya, bahasa dan kepentingan kaum tidak perlu dibincangkan.

"Sudah ada semacam persepakatan antara kita (semua 14 parti komponen BN) sehingga apa yang dibincangkan hanyalah isu nasional, serantau dan global," katanya.

Ini bermakna generasi ketiga lebih berpandangan jauh dan ia juga menepati seruan Datuk Seri Anwar Ibrahim, agar barisan pemimpin pelapis BN meneruskan serta memantapkan lagi sistem permuafakatan yang wujud sekian lama dalam BN.

Timbalan Perdana Menteri itu juga terang-terangan melahirkan keyakinannya terhadap kemampuan barisan pemimpin pelapis yang ada sekarang, untuk meneruskan kesinambungan kepemimpinan cemerlang dalam BN.

Ia adalah satu harapan tinggi daripada generasi kedua kepada generasi ketiga. Ia juga menjadi satu manifestasi bahawa pucuk pimpinan hari ini boleh meletakkan harapan jika suatu hari nanti barisan pelapis diberi peluang untuk memainkan peranan aktif dalam pentadbiran politik dan negara.

Kesamaran pandangan di ibu negeri Sarawak akibat jerebu, langsung tidak menjejaskan Pemuda BN untuk membuat ketetapan yang cukup jelas dalam deklarasinya, sekali gus menepati tema konvensyen 'Realiti Baru: Agenda dan Cabaran Pemuda Pada Alaf Baru'.

Enam ketetapan yang diputuskan di dalam Deklarasi Pemuda BN yang ditandatangani oleh semua 14 ketua pemuda atau wakil mereka pada hari terakhir konvensyen berkenaan ialah;

* Perkongsian bijak BN yang memelihara kepentingan kelompok majoriti dan minoriti perlu diteruskan bagi memastikan perpaduan, pembangunan dan keadilan dapat ditegakkan.

* Perkongsian bijak yang cukup praktikal sifatnya perlu dikembangluaskan dengan menawarkan konsep perkongsian ini kepada dunia sebagai sumbangan BN kepada kemakmuran dan keadilan sejagat.

* Menyedari pembangunan dan kemajuan negara di abad ke-21 perlu

diteruskan, asas kerjasama antara parti komponen perlu terus mempertahankan peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Negara.

* Memastikan generasi ketiga parti komponen BN menghayati dan menerima hakikat kerjasama tulen yang telah sedia terjalin demi memastikan kestabilan politik dapat terus dipertahankan dengan menolak kelompok ekstremis yang boleh menghancurkan keharmonian yang telah dipupuk sekian lama.

* Mengambil langkah lebih proaktif bagi melahirkan generasi penerus yang mampu untuk mengurus kejayaan negara dan merangsang kegiatan ekonomi yang adil buat semua kaum.

* Memastikan pendidikan semua kaum dapat terus ditingkatkan agar keseimbangan antara kaum akan menjadi kenyataan yang berkekalan.

Konvensyen berkenaan turut menyedari perlunya generasi ketiga semua parti komponen menghayati serta menginsafi asas serta matlamat kerjasama yang membawa kepada pembentukan gabungan antara parti komponen yang mewakili pelbagai kaum yang berbeza latar belakang, budaya, agama dan cita rasa.

Konvensyen itu juga mengiktiraf kejayaan yang dicapai BN dalam membangunkan negara dengan memastikan semua kaum mendapat layanan adil dan saksama.

Sehubungan itu, pemuda BN memberi jaminan akan memberi sokongan berterusan kepada seluruh jajaran kepimpinan BN, terutama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk meneruskan agenda pembangunan dan membawa cabaran negara di pentas dunia.

(END)